

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [BANGI]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan untuk menjelaskan peletakan jawatan Jalil Rasheed, mantan CEO PNB dan apakah tanda yang akan diberikan ini kepada anak muda Malaysia yang bekerja di luar negara yang ingin kembali berkhidmat untuk negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah institusi yang dimandatkan untuk memelihara pelaburan rakyat Malaysia, terutamanya Bumiputera, Permodalan Nasional Berhad (PNB) ditubuhkan dengan tata kelola tadbir urus yang telus, bertanggungjawab dan berintegriti.

2. Berikutan maklumat yang diterima oleh Suruhanjaya Sekuriti bahawa latarbelakang akademik dan pekerjaan yang dikemukakan oleh Encik Jalil Rasheed melalui PNB kepada Suruhanjaya Sekuriti tidak konsisten, pihak Suruhanjaya Sekuriti telah membuat inkuiri tentang perkara ini. Lanjutan daripada itu, Suruhanjaya Sekuriti telah mengadakan satu pertemuan dan perbincangan dengan Encik Jalil Rasheed pada 11 Jun 2020 untuk mendapat penjelasan lanjut daripada beliau.

3. Suruhanjaya Sekuriti juga telah memohon penjelasan daripada Lembaga Pengarah PNB tentang perkara ini melalui surat bertarikh 12 Jun 2020.
4. Pada 13 Jun 2020 Encik Jalil Rasheed telah menyerahkan surat peletakan jawatan beliau sebagai Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB di atas sebab peribadi.
5. Peletakan jawatan ini telah diterima oleh Lembaga Pengarah PNB pada Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah pada hari Isnin, 15 Jun 2020.
6. Berhubung latar belakang akademik Encik Jalil Rasheed, penjelasan rasmi daripada pihak London School of Economics and Political Science (LSE) mengesahkan bahawa seorang graduan yang memegang ijazah daripada University of London bukan merupakan seorang graduan daripada LSE.
7. Kerajaan Malaysia sentiasa mendorong warganegara Malaysia yang berada di luar negara untuk kembali ke tanah air bagi menyumbang tenaga dan bakat demi melonjakkan nama negara di mata dunia. Ini termasuklah golongan profesional serta rakyat Malaysia yang sedang menuntut di luar negara. Kerajaan melalui PNB akan terus menyokong usaha ini. Malah, setiap tahun PNB turut melahirkan lebih 20 graduan dari universiti terkemuka di serata dunia yang kembali berkhidmat di PNB.
8. Dengan sejarah penubuhan dan pencapaian yang melebihi 42 tahun, PNB akan terus memenuhi mandatnya dalam menggalakkan simpanan dalam bentuk dana unit amanah oleh kalangan Bumiputera, yang kemudian akan dilaburkan bagi pihak mereka bagi tujuan meningkatkan kekayaan mereka.

Sekian, terima kasih.